Rujukan : PEBARA/2019-2021/Mesyuarat Agung Luar Biasa Sesi 2021-2024

Tarikh : 1 Jun 2022

Ahli-ahli
Kesatuan Pegawai-Pegawai Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (PEBARA)

PERKARA: MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA KESATUAN PEGAWAI-PEGAWAI BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (PEBARA) SESI 2021-2024

Assalamualaikum wbt. Tuan/Puan,

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Luar Biasa Kesatuan Pegawai-Pegawai Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (PEBARA) Sesi 2021-2024 akan diadakan mengikut ketetapan berikut:

- Tarikh: 16 Julai 2022 (Sabtu)
- Masa: 8:30 pagi
- Tempat: Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur
- Agenda Mesyuarat:
    1. Ucaptama oleh Yang Di-Pertua PEBARA Sesi 2019-2021 & Interim
    2. Pembentangan dan pengesahan Minit Mesyuarat Agung yang lepas
    3. Pembentangan dan pengesahan Laporan Tahunan PEBARA Sesi 2019-2021 & Interim
    4. Pembentangan Laporan Perakaunan 2019-2021 dan Belanjawan Sesi 2021-2024
    5. Pembubaran Jawatankuasa PEBARA 2019-2021 & Interim
    6. Pelantikan Pengerusi Sementara dan Pencatit Minit bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa Kesatuan Pegawai-Pegawai Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (PEBARA) Sesi 2021-2024
    7. Pelantikan 5 orang sebagai Anggota Jemaah Pemeriksa Undi
    8. Pelantikan 3 orang Pemegang Amanah
    9. Pelantikan 2 orang Juruaudit Dalaman
    10. Pembentangan dan perbincangan bagi membahaskan usul-usul penting untuk kelulusan mesyuarat termasuk:
        a) **Syarat Bilangan Kuorum dan Kelulusan Mencukupi bagi Majoriti Undian Mesyuarat (Pindaan Peraturan PEBARA)**
            i. Usul pindaan Peraturan 9 dan Peraturan 10 berhubung jumlah bilangan kuorum dalam Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Agung Luar Biasa

KESATUAN PEGAWAI PEGAWAI BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (PEBARA)
Pejabat PEBARA, Tingkat 8 Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat
No 33 Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-26129600 Ext 8977Email : pebarabankrakyat@gmail.com

ii. Usul pindaan Peraturan 9 bagi membenarkan sesuatu Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Agung Luar Biasa diadakan secara maya (online) sekiranya terdapat apa-apa halangan dan/atau sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa atau disebabkan lain-lain peristiwa yang tidak dapat dielakkan seperti pandemik atau ancaman wabak penyakit tertentu

iii. Usul pindaan nama jawatan Setiausaha kepada Setiausaha Kehormat

iv. Usul Pindaan Peraturan 4, tambahan Peraturan agar satu kutipan Levi berjumlah RM100.00 dapat dibuat di kalangan ahli selepas Perjanjian Bersama/Collective Agreement (CA) dimeterai

v. Usul Pindaan Peraturan 19, Perkara 2, pindaan kepada Penggunaan Tabung Wang Kesatuan bagi tujuan membayar denda atau hukuman yang dikenakan oleh pihak mahkamah bagi perkara melibatkan Kesatuan

vi. Usul Pindaan Peraturan 19, Perkara 5, membenarkan Bendahari menyimpan wang tunai tidak melebihi RM1,000.00 pada sesuatu masa

vii. Usul Tambahan Peraturan – menetapkan tempoh menyandang jawatan Yang Dipetua/ Naib Yang Dipertua/ Setiausaha/ Bendahari maksimum 2 penggal sahaja.

viii. Usul Tambahan Peraturan – membenarkan undian dihantar secara email

ix. Usul Tamabahan Peraturan – Kertas Undi Sulit perlu ada tandatangan ahli PEBARA yang membuat undian.

b) Lain-lain Pindaan dan Tambahan kepada Peraturan Kesatuan sedia ada:

i. Memohon kelulusan bersama bagi tambahan bajet menganjurkan Mesyuarat Agung 2021-2024 sebanyak RM200,000.00 daripada kelulusan yang dibuat pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Tahun 2019

ii. Memohon sokongan dan kelulusan bersama untuk pelantikan seorang pekerja pengkeranian sepenuh masa di Pejabat Kesatuan PEBARA dengan gaji minimum RM1,500.00 sebulan berserta elaun dan lain-lain kemudahan yang layak selaras Akta Kerja 1955

iii. Memohon pertimbangan serta kelulusan bersama agar dapat dilaksanakan penambahbaikan berupa Elaun Risiko,

PEBARA
Kesatuan Pegawai-Pegawai Bank Rakyat

iii. Memohon pertimbangan serta kelulusan bersama agar dapat dilaksanakan penambahbaikan berupa Elaun Risiko, suatu bayaran imbuhan tetap berjumlah RM1000.00 sebulan agar dapat memenuhi keperluan serta kehendak perkhidmatan kritikal bagi mana-mana ahli sepanjang tempoh menggalas tugas dan peranan sebagai Yang Di-Pertua (YDP), Timbalan YDP, Setiausaha dan Bendahari

iv. Mewujudkan Elaun Pemegang amanah sebanyak RM 300 setahun

v. Mewujudkan Elaun Juruaudit Dalaman sebanyak RM500 setahun

vi. Memohon sokongan dan kelulusan bagi Majlis Jawatankuasa Kerja mewakili Kesatuan untuk menjalankan urusan pembelian dan/atau pemajakan bangunan bagi tujuan dijadikan Pejabat Urusan Kesatuan, tempat bermesyuarat dan lain-lain aktiviti libat urus (engagement) tidak melebihi pembiayaan sebanyak RM1,000,000.00.

11. Pembentangan dan perbincangan bagi membahaskan usul-usul lain daripada ahli-ahli PEBARA
12. Pengumuman keputusan undi sulit dan penama yang telah dipilih sebagai ahli Majlis Jawatankuasa Kerja PEBARA bagi Sesi 2021-2024
13. Ucapan dan penangguhan mesyuarat oleh Yang Di-Pertua PEBARA bagi Sesi 2021-2024

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

MOHD HIDZIR BIN MOHD YUSSOF
Setiausaha PEBARA

KESATUAN PEGAWAI-PEGAWAI BANK RAKYAT
PEBARA NO. PENDAFTARAN 872

KESATUAN PEGAWAI PEGAWAI BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (PEBARA)
Pejabat PEBARA, Tingkat 8 Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat
No 33 Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-26129600 Ext 8977Email : pebarabankrakyat@gmail.com